

7

Bagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan  
Pusat Perpustakaan dan Rujukan  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam  
Selangor.

2025

THESIS

LOKASI TIDAK DIBENARKAN

KOMPLEK PEJABAT KASTAM DI PELABUHAN KELANG, SELANGOR.

PROJEK CADANGAN INI MERUPAKAN TESIS TAHUN DUA DIPLOMA LANJUTAN  
SENIBINA, SESI 1983/84, DIHANTAR KEPADA JABATAN SENIBINA, INSTITUT  
TEKNOLOGI MARA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA SYSRAT-SYARAT UNTUK  
MENDAPAT ANUGERAH DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA.

Oleh

A.KARIM BIN ZAKARIA

November 1984.

PHOTOSIA TIDAK DIBENAIKAN

TEKNIK

Adalah disahkan bahawa laporan teknikal ini telah dibaca dan  
disemak oleh :

Encik .....

Selaku Penyelia

Encik .....

Selaku Penilai

Kami setuju dan berpuas hati didalam sekop dan nilai laporan ini  
sebagai sebahagian untuk mendapatkan anugerah Diploma Lanjutan  
Senibina.

.....  
(Penyelia)

.....  
(Penilai)

## PENGHARGAAN.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur Alhamdulillah Kehadirat Ilahi yang telah memberi petunjuk dan hidayat Nya kepada saya bagi menghasilkan laporan kajian teknikal ini dengan jayanya.

Dengan ini sukacita saya mengambil kesempatan untuk melahirkan setinggi-tinggi penghargaan saya dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran untuk menjayakan kajian ini.

- . Semua pensyarah dan kakitangan Jabatan Senibina Institiut Teknologi Mara, Shah Alam.
- . Semua kakitangan jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat ia itu Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Kelang, Lembaga Pelabuhan Kelang, PKNS kawasan Selat Kelang Utara, Jabatan Bomba, Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Telekom.
- . Semua kakitangan firma-firma perunding yang terlibat ia itu Perunding Alam Bina dan Hashim & Neh perunding mekanikal dan elektrik.
- . Semua rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi pendapat dan buah fikiran dalam menyiapkan kajian dan persembahan laporan ini.
- . Akhir sekali saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu, ayah dan keluarga saya yang telah memberi dorongan dan semangat dalam menjayakan kajian ini.

## 1.0 Pendahuluan

Laporan kajian teknikal ini merupakan laporan skim rekabentuk. Untuk tujuan ini kajian kajian awal telah pun diterangkan dalam laporan kajian dayahidup. Diperingkat awal kajian meliputi dari segi pengumpulan maklumat data-data dari kajian pengguna, lawatan-lawatan dan temubual-temubual keatas Jabatan-Jabatan kerajaan dan agensi-agensi swasta yang berkaitan. Dari maklumat yang terkumpul, beberapa analisa dilakukan bagi menyediakan sekim rekabentuk permulaan.

Dalam kajian teknikal ini ianya mempunyai hubungan rapat dengan laporan dayahidup. Oleh itu laporan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan laporan dayahidup supaya objektif sebenar dari kajian ini dapat difahami.

Sungguhpun demikian terdapat beberapa perubahan yang dilakukan tetapi ini tidaklah menjejaskan konsep sebenar kajian ini. Setiap perubahan yang dilakukan diperingkat awal atau ditambah dengan maklumat-maklumat tambahan suatu penyelesaian terperinci akan dilakukan.

Kajian ini juga menekankan aspek-aspek anggaran harga dimana diperingkat awal hanya anggaran kasar dibuat. Anggaran yang tepat ini dibuat berdasarkan pada maklumat yang lebih terperinci diperolehi diperingkat sekim rekabentuk.

Kajian dari segi menentukan struktur bangunan dilakukan, ianya melibatkan rekabentuk asas bangunan dimana segala rintangan dan halangan ditapak akan dikaji, ini termasuklah ciri-ciri bawah

tanah. Mengenai kemudahan dan kelengkapan dalam bangunan seperti bekalan air, elektrik, telefon dan lain-lain yang terdapat di-kawasan kajian akan dikaji dari segi muatan yang perlu dibekalkan dalam bangunan, pengiraan ini dibuat secara terperinci mengikut permintaan diperingkat akhir proses sekim rekabentuk.

Keperluan alat-alat mekanikal yang disediakan dalam bangunan diperingkat awal merupakan bilangan dan ukuran yang diperlukan, diperingkat ini kajian awalan, penyemakan dan pandangan terperinci akan dilakukan.

Sebagai kesimpulan laporan kajian teknikal dibuat untuk menentukan bagaimana segala keperluan pihak pelanggan dapat dipenuhi dan bagaimana bentuk bangunan serta perancangan dilaksanakan dan lebih jelas lagi untuk mengetahui anggaran harga yang sebenar bagi projek ini.